

Headline	Cabaran graduan era krisis		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	28 Feb 2021	Language	Malay
Circulation	140,000	Readership	420,000
Section	Nasional	Color	Full Color
Page No	28	ArticleSize	353 cm ²
AdValue	RM 7,484	PR Value	RM 22,451



Cabaran graduan era krisis



DR SITI ROZAINA KAMSANI

Pandemik Covid-19 adalah krisis global yang melanda bukan sahaja di Malaysia, malah di seluruh dunia. Peningkatan kes Covid-19 dilihat bertambah dari sehari ke sehari dan antara kesan yang dirasakan adalah perubahan gaya kehidupan kepada satu peraturan atau norma baharu yang perlu diikuti bagi mengekang penularan pandemik.

Perubahan daripada krisis itu juga memberi kesan kepada peluang penawaran pekerjaan akibat ketidakstabilan ekonomi yang berlaku di dunia. Cabaran peluang pekerjaan kepada graduan tahun ini menjadi lebih kritikal berbanding kesan kejatuhan ekonomi dunia yang lalu. Ia juga dilihat sebagai tekanan yang bakal dialami semua graduan yang baru menamatkan pengajian.

Sebagai seorang graduan, mencari pekerjaan yang bersesuaian dengan kelulusan akademik adalah perkara

yang diimpikan. Malangnya keadaan itu sukar berlaku akibat krisis kesihatan yang melanda dunia menyebabkan kurangnya penawaran pekerjaan daripada pelbagai agensi, syarikat dan organisasi buat masa ini.

Namun, kajian yang dilakukan Malaysian Technology Development Corporation (MTDC) pada 2019 telah menunjukkan bahawa pertumbuhan pesat terhadap kerjaya secara *freelance* seperti pembangun web, pengaturcara, pemasar internet, penterjemah, pakar keselamatan digital, penasihat undang-undang, penyunting video, penulis dan pelakon suara yang wajar direbut oleh graduan berdasarkan kepada potensi serta minat mereka.

Kelulusan akademik yang diperoleh tidak sepenuhnya menjamin peluang

pekerjaan yang berkaitan dengan pencapaian akademik graduan. Sesuatu yang lebih baik jika kerjaya seseorang graduan itu dibina melalui potensi dan minat diri sendiri. Ahli psikologi telah berjaya mengenal pasti keperluan pelbagai jenis alat pengukuran psikologi yang boleh membantu individu mencari dan mengenal pasti apakah potensi diri dan minat seseorang terhadap jenis pekerjaan bersesuaian dengan dirinya.

Potensi diri adalah elemen yang sangat penting bagi membantu diri mereka melihat kelebihan diri sendiri dari sisi berbeza. Kepercayaan pada potensi diri adalah perkara yang perlu diterokai kerana tidak semua orang mampu mencari kelebihan yang ada pada diri sendiri. Contohnya, seorang graduan yang mempunyai kemahiran dalam bidang sains sosial kadangkala melihat diri mereka serba kekurangan kerana peluang pekerjaan dalam bidang itu agak terhad pada masa kini. Walhal, ia adalah persepsi tidak benar kerana kelulusan akademik bukanlah penentu kejayaan graduan dalam pekerjaan yang dimohon.

Graduan perlu yakin dengan pelbagai potensi yang ada pada diri mengikut pada minat yang bersesuaian dengan tema umum dalam bidang pekerjaan seperti bidang penyelidikan/penyiasatan (*investigative*), perbantuan (*hel-*

ping), kebudayaan (*artistic*), keusahawanan (*enterprising*), penyusunan (*conventional*), dan praktikal (*realistic*).

Kesemua bidang umum pekerjaan ini boleh diterokai dengan mengenal pasti apakah potensi yang mereka ada untuk menentukan kesesuaian pekerjaan yang akan mereka pilih.

Potensi dan minat terhadap kerjaya akan membantu graduan membina kerjaya mereka sendiri tanpa perlu menunggu peluang pekerjaan daripada agensi kerajaan mahupun swasta.

Pada masa kini, pelbagai peluang kemahiran, bakat dan minat telah disediakan kerajaan sebagai salah satu usaha meningkatkan potensi diri graduan.

Headline	Cabaran graduan era krisis		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	28 Feb 2021	Language	Malay
Circulation	140,000	Readership	420,000
Section	Nasional	Color	Full Color
Page No	28	ArticleSize	353 cm ²
AdValue	RM 7,484	PR Value	RM 22,451

Selain daripada usaha Unit Kaunseling dan Pembangunan Kerjaya di setiap universiti, graduan perlulah berusaha mencari sendiri potensi yang mereka ada dan menjadikan potensi itu sebagai satu aset dan kelebihan mereka dalam membina kerjaya masing-masing.

Oleh itu, berusahalah mencungkil potensi diri sebagai pemangkin untuk graduan mencipta kerjaya tersendiri.

** Prof Madya Dr Siti Rozaina Kamsani ialah
Pengarah Pusat Kauseling Jabatan Hal Ehwal
Pelajar Universiti Utara Malaysia*



*Potensi diri adalah elemen
yang sangat penting
bagi membantu melihat
kelebihan diri sendiri dari
sisi berbeza.”*